

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 SEPTEMBER 2016

Tindakan Tun Mahathir serah Deklarasi hanya tindakan sia-sia

Um - 19/9/2016

KUALA LUMPUR 18 Sept. - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad menyerahkan Deklarasi Pembangkang kepada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah adalah perbuatan yang sia-sia kerana ia tidak akan membawa sebarang perubahan dalam pemerintahan di negara ini.

Pengal-
nalisis poli-
tik, **Prof.
M a d y a
D r. Ismail**



MUSTAFA ISHAK

Sualman berkata, penyerahan deklarasi itu hanya cetusan peribadi beliau bersama segelintir rakyat yang tidak lagi 'menyayangi' negara ini.

"Walaupun undang-undang negara membenarkan kita berbuat demikian (menghantar deklarasi) sekiranya seseorang itu tidak berpuas hati untuk meluahkan ketidakpuasan hati.

"Namun, beliau sepatutnya menghormati mandat yang diberikan rakyat dan sabar menunggu pilihan raya (untuk membawa perubahan)," katanya ketika dihubungi bagi mengulas tindakan bekas Perdana Menteri itu yang dilaporkan menghadap Yang di-Pertuan Agong Khamis lalu untuk menyerahkan memorandum Deklarasi Rakyat 'Selamatkan Malaysia'.

Sementara itu, **Prof. Madya Dr. Mohd. Izani Mohd. Zain** daripada Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Universiti Putra Malaysia (UPM) pula menasihati Tun Mahathir supaya menggunakan 'jalan yang benar' iaitu tunggu pilihan raya yang bakal diadakan dalam tempoh dua tahun lagi.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, **Prof. Dr. Mustafa Ishak**, pula menyifatkan tindakan negarawan itu sebagai satu usaha untuk menarik perhatian umum dan hanya merugikan masa sahaja.

"Kita ada saluran yang betul melalui sistem pilihan raya, kenapa perlu guna 'kaedah' ini, yang sekali gus menunjukkan beliau ketandusan idea sehingga sanggup menadap Seri Paduka, namun saya yakin Yang di-Pertua Agong faham peranan masing-masing," jelasnya.